

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HKB 213 - Kesusasteraan Afrika Moden

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Teori Senghor mengenai fahaman Negritude diertikan sebagai, "a sense of meaning to the development of African nationalism, and ultimately of a broader black consciousness."

Berdasarkan pengertian di atas, perlihatkan secara kritis isu-isu yang menjadi fokus utama dalam karya-karya pengarang kulit hitam Afrika. Perbincangan anda perlu disokong dengan contoh-contoh karya khususnya genre puisi yang telah dipelajari.

2. Berikan komentar kritis terhadap kematian Okonkwo seperti yang dapat dikesan dalam novel Things Fall Apart [Okonkwo] karya Chinua Achebe. Dengan mengemukakan contoh-contoh peristiwa yang signifikan perlihatkan keselarisan frasa *things fall apart* dengan tanggapan dan sikap Achebe terhadap pengkritik kolonial.
3. Golongan sarjana kulit hitam Afrika menganggap "Wole Soyinka adalah Yoruba, dan Yoruba adalah Wole Soyinka". Dengan mengambilkira ungkapan tersebut beserta contoh-contoh yang bersesuaian, jelaskan secara ilmiah konsep Yoruba. Kemudian dengan merujuk kepada drama The Swamp Dwellers, bincangkan sejauhmanakah pertautan itu dapat dikesan.
4. Cerpen "Mother was a Great man" karya Catherine Obianuju Acholonu dan "Cut Me a Drink" karya Christina Ama Ata Aidoo mempersembahkan ketabahan watak-watak wanita mempertahankan citra kewanitaan yang dibendung lelaki.

Dengan memfokuskan kepada watak utama kedua-dua cerpen tersebut, bincangkan secara kritis bagaimana Acholonu dan Aidoo menggembelingkan elemen masa lalu dan masa depan dalam masa kini untuk menyerlahkan keinginan dan konflik dalaman watak-watak tersebut.

5. Telitikan petikan berikut:

...Dia memandang beg yang terletak di atas ribanya dan terasa olehnya berat kertas bertaip yang terkandung di dalam beg itu. Terasa aneh baginya kerana selain Wendy, Bikolah yang paling banyak dikaitkan dengan Afrika Selatan dan kerananya dia meninggalkan Afrika Selatan. Dia tahu bahawa suatu perkara yang dikongsi bersama oleh mereka berdua ialah cinta untuk negara yang seteguh cinta mereka berdua. [Laungan Kebebasan: 390]

- (a) Nyatakan bentuk pengorbanan yang diberikan oleh watak "dia" untuk menunjukkan sokongan kepada pembentukan Satu Azania.
- (b) Dengan mengemukakan contoh-contoh peristiwa yang signifikan, perlihatkan secara kritis sejauhmanakah jalinan di antara kisah benar, elemen-elemen susastera dan fakta sejarah dapat menjadi alat yang terbaik untuk proses kreativiti pengarang. Komentor anda perlu dirujuk kepada novel Cry Freedom karya John Briley [Laungan Kebebasan].

6. Elemen latar sekiranya berjaya dilukiskan dengan sebaik mungkin, hasilnya cerita itu sendiri terasa lebih hidup dan dapat membangkitkan kesan rasa yang mendaam kepada khalayak. Apatah lagi elemen ini akan terasa kewujudannya sekiranya dihidupkan dengan gaya bahasa. [Shahnon Ahmad]

Dengan merujuk kepada petikan di atas, bincangkan secara kritis setakatmanakah elemen-elemen ini berfungsi untuk menghidupkan plot cerpen "Feather Woman of the Jungle" karya Amos Tutuola dan "Resurrection" karya Richard Rive. Dengan menyertakan contoh-contoh peristiwa yang dilalui oleh Mavis dan "T", jelaskan secara kritis, mesej dan moral yang ingin disampaikan oleh Tutuola dan Rive kepada khalayak.

7. African novelist especially are quite good
When they are dealing with the past. [James Ngugi]

Dengan mengambilkira pandangan di atas, bincangkan secara kritis sejauhmanakah Armah berjaya menyatukan elemen-elemen sejarah Ghana sebelum merdeka dan selepas merdeka seperti yang terdapat dalam novel The Beautiful Ones Are Not Yet Born? [Yang Indah Belum Menjelma Lagi]? Pada pandangan anda, adakah gaya penyampaian tersebut berjaya menyampaikan hasrat Armah untuk dikongsi bersama rakyat Ghana dan masyarakat Afrika seluruhnya?